


Chairman's Statement

Penyata Pengerusi



Breathtaking night scene of Tropicana's West Course.

Pemandangan waktu malam yang menakjubkan di Tropicana West Course.



Grand entrance to the Main Wing of Tropicana Clubhouse.

Pintu gerbang masuk ke Sayap Utama Rumah Kelab Tropicana.

".....the Group continued to develop and pursue appropriate strategic measures to sustain its comparative advantages and competitive edge."

".....Kumpulan terus merangka beberapa langkah strategik yang sesuai untuk mengekalkan kelebihan daya perbandingan dan saingannya."



Recognition of excellence-Tropicana was voted the "Best Clubhouse/Facilities in Malaysia" 2001/2002.

Pengiktirafan keunggulan-Tropicana telah diundi sebagai "Rumah Kelab/Kemudahan Terbaik di Malaysia" untuk 2001/2002.

Despite the uncertainties in the global economic scene following the tumultuous tragic September 11th event, the Malaysian economy managed to achieve a marginal growth of 0.4%. The prospects for an early recovery in 2002 based on the improving macroeconomic fundamentals of the Malaysian economy remain encouraging. I am accordingly pleased to present the Annual Report of the Group and Company for the year ended 31 December 2001.

OVERVIEW AND FINANCIAL RESULTS

In the midst of emerging concerns on the potential adverse repercussions arising from the terrorist attacks on the US, the performance of the Malaysian economy was also adversely affected by the sharp decline in the world economy including the continuing weak performance of the Japanese economy. Given the growing difficulties in the external environment, the limited growth in the Malaysian Gross Domestic Product had been largely domestic driven. In minimising the negative effects of the external sector, several fiscal measures to increase disposable incomes and encourage domestic consumption were introduced. In addition to the earlier pre-emptive package of RM3.0 billion announced in March 2001, another stimulus and pump-priming package of RM4.3 billion was established in September 2001 targeted primarily to catalyse the domestic economic activities. Meanwhile, the monetary policy remained accommodative to support domestic growth in a relatively low inflationary environment of less than 2.0%, with a manageable unemployment level of below 4.0%.

In the meantime, the Group continued to develop and pursue appropriate strategic measures to sustain its comparative advantages and competitive edge. During the year, the Management also undertook various innovative business strategies encompassing key areas such as product differentiation and niche marketing to address the challenges posed by a market fraught with doubts and uncertainties. Careful market research and planning yielded better risk management plus more effective product and pricing policies.

Walaupun keadaan ekonomi global tidak menentu akibat peristiwa malang 11^{hb} September, namun ekonomi Malaysia mampu mencapai pertumbuhan kecil 0.4%. Prospek untuk mencapai pemulihan lebih awal pada tahun 2002 berasaskan kepada asas ekonomi makro yang bertambah baik dalam ekonomi Malaysia terus memberi petanda menggalakkan. Sejarai dengan keadaan sedemikian, saya dengan sukacitanya ingin membentangkan Laporan Tahunan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2001.

TINJAUAN DAN KEPUTUSAN KEWANGAN

Kebimbangan yang tercetus berikutan kesan menjejaskan akibat serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat yang seterusnya menyebabkan ekonomi dunia merosot secara mendadak dan prestasi ekonomi Jepun yang berterusan lemah turut menjejaskan ekonomi Malaysia. Dengan persekitaran luar yang semakin sukar, faktor domestik sebahagian besarnya telah mendorong pertumbuhan terhad dalam Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia. Beberapa langkah fiskal untuk meningkatkan pendapatan boleh belanja serta menggalakkan penggunaan domestik telah diperkenalkan bagi mengurangkan kesan negatif sektor luaran. Di samping pakej RM3.0 bilion yang disuntik terlebih dahulu seperti yang diumumkan pada bulan Mac 2001, satu lagi pakej rangsangan dan peningkatan pertumbuhan berjumlah RM4.3 bilion telah disuntik pada bulan September 2001, disasar terutamanya sebagai pemangkin kepada aktiviti domestik. Sementara itu, dasar kewangan kekal menyokong pertumbuhan domestik dan disokong dengan persekitaran inflasi yang agak rendah iaitu kurang 2.0% serta kadar pengangguran di bawah paras 4.0%. yang mampu ditangani.

Sementara itu, Kumpulan terus merangka beberapa langkah strategik yang sesuai untuk mengekalkan kelebihan daya perbandingan dan saingannya. Pada tahun ini, Pengurusan juga melaksanakan berbagai strategi perniagaan yang merangkumi beberapa bidang utama seperti pembezaan produk dan pemasaran kepada sasaran khususnya bagi menangani berbagai cabaran dalam pasaran yang dilanda kebimbangan dan ketidakpastian. Penyelidikan dan perancangan pasaran secara teliti telah menghasilkan pengurusan risiko yang lebih baik serta dasar produk dan penentuan harga yang lebih berkesan.



Elegant and spacious piano lounge within the Tropicana Clubhouse.

Ruang piano yang menarik dan luas di dalam Kelab Tropicana.

Indeed, the Group managed to weather through the turbulent times with a significant increase in profit (after tax and minority interests) to RM15.4 million.

The core business division, Resort & Property Division, remained the primary contributor to the Group's operating profit through our strength in niche property developments and our established track record. All other operating divisions also reported positive earnings for the year under review.

At the Company level, a higher pre-tax profit of RM7.6 million was achieved on the back of an increase in turnover from RM13.9 million in the preceding year to RM23.0 million in 2001.

As the Malaysian economy is poised to experience a healthier growth of *3.5% for 2002, the Group would continue to promote the efficient and optimal utilisation of its resources besides strengthening its internal resilience. The Group would focus on more business strategies and endeavour to leverage on its wide experience in the property sector and to look for any opportunity which may emerge in the wake of the expected economic recovery.

(* Source : Bank Negara Malaysia Annual Report 2001)

OPERATIONAL REVIEW

Resort & Property

The Resort & Property Division continued to register a commendable performance with an improved pre-tax profit of RM12.4 million, principally as a result of higher profit recognition during the financial year following the completion of the development project involving upmarket linked bungalows known as 'Villa Green' and Phase IA and IB of Dijaya's maiden condominium development known as 'Casa Damansara I'.

"The Resort & Property Division continued to register a commendable performance....."

"Bahagian Pusat Peranginan & Hartanah terus mencatatkan prestasi membanggakan....."

Malah, Kumpulan mampu melalui detik sukar ini dengan menghasilkan keuntungan (selepas cukai dan kepentingan minoriti) yang meningkat kepada RM15.4 juta.

Bahagian Pusat Peranginan & Hartanah yang merupakan bahagian perniagaan terasnya, kekal sebagai penyumbang utama kepada keuntungan operasi Kumpulan, melalui keteguhan kami dalam pembangunan khusus serta rekod pencapaian kami yang sudah dikenali. Semua bahagian operasi lain turut melaporkan pendapatan positif pada tahun yang ditinjau.

Di peringkat Syarikat, keuntungan sebelum cukai sebanyak RM7.6 juta berjaya dicapai melalui pertambahan perolehan daripada RM13.9 juta pada tahun sebelumnya kepada RM23.0 juta pada tahun 2001.

Oleh kerana ekonomi Malaysia bakal mengalami pertumbuhan lebih sihat sebanyak * 3.5% pada tahun 2002, Kumpulan akan terus mempromosi penggunaan sumbernya secara optimum dan berkesan sambil mengukuhkan kemantapan dalamannya. Kumpulan akan lebih memfokus kepada strategi dan usaha perniagaan bagi mengimbangi pengalaman luasnya dalam sektor hartanah dan memandang ke hadapan untuk merebut peluang yang mungkin timbul daripada ekonomi yang dijangka pulih.

(* Sumber: Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2001).

TINJAUAN OPERASI

Pusat Peranginan & Hartanah

Bahagian Pusat Peranginan & Hartanah terus mencatatkan prestasi membanggakan dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM12.4 juta, terutamanya disebabkan oleh pengiktirafan keuntungan yang lebih tinggi pada tahun kewangan ini berikutan penyediaan projek pembangunan yang melibatkan pembinaan banglo berangkai bagi kelas atasan dikenali sebagai "Villa Green" dan projek pembangunan kondominium sulung Fasa IA dan IB Dijaya yang dikenali sebagai "Casa Damansara I".

Larger-than-Olympic sized swimming pool in Tropicana's Sports Wing.

Kolam renang yang lebih besar daripada saiz Olimpik di sayap sukan Tropicana.

Tastefully-furnished show unit of Green Acres semi-detached bungalow.

Unit contoh banglo berkembar Green Acres yang lengkap dengan hiasan yang menarik.

"Gloria", one of the luxurious semi-detached bungalows under the "Green Acres" project.

"Gloria", salah satu daripada banglo berkembar di bawah projek "Green Acres".



The premier golfing venue at Tropicana Golf & Country Club continued to attract the bookings from ardent golfers for the 27-hole picturesque golf course and comprehensive clubhouse facilities. Complete with the conducive ambience and the pleasant surroundings of Tropicana Golf & Country Resort, the 350,000 square feet clubhouse clearly distinguished itself as an excellent spot for sports, recreation, social and business events in the fast growing Klang Valley.

This due recognition had recently earned Tropicana Golf & Country Club the award of "The Best Clubhouse/Facilities In Malaysia" based on the readers' survey of "Course Poll 2001/2002".

Meanwhile, Tropicana Golf & Country Resort Berhad ('Tropicana') welcomed the launch of one of the final phases of its landed residential development on 25.1 acres of land located within the Resort. Known as 'Green Acres 1', the development comprises 148 units of luxurious double-storey semi-detached bungalows known as 'Gloria' and 'Floria' together with 47 bungalow lots and was launched in July 2001 with a warm reception from purchasers. Achieving an overall sale of approximately 70% to date, it is targeted for completion in July 2003.

The earthworks, piling, foundation and structural works of the Green Acres 1 had been completed, whilst the internal and external architectural finishings are presently in progress.

Generally, the financial result of Tropicana Group was marginally higher with an after-tax profit of RM6.86 million against RM6.85 million in the past financial year.

In recent months, the Group was involved in a joint-venture project on 12 acres of land at the fringe of Tropicana Golf & Country Resort, comprising 320 units of low-cost apartments, 320 units of low-medium cost apartments and 960 units of medium cost apartments known respectively as 'Damai', 'Permai' and 'Bayu Puteri' together with 49 units of shops. The development was launched in January 2002, with an encouraging response, registering an overall 60% sale.

Padang golf bertaraf perdana di Tropicana Golf & Country terus menarik tempahan daripada peminat golf di padang golf 27 lubang berpemandangan indah yang dilengkapi dengan kemudahan rumah kelab yang sempurna kelengkapannya. Rumah kelab seluas 350,000 kaki persegi yang mendapat kelebihan daripada alam sekitarnya yang indah serta suasana sekeliling Tropicana Golf & Country Resort yang permai jelas memaparkan kedudukannya sebagai lokasi yang cemerlang untuk aktiviti sukan, rekreasi, kegiatan sosial dan perniagaan di sekitar Lembah Klang yang semakin pesat berkembang.

Pengiktirafan yang sempurna ini telah membolehkan Tropicana Golf & Country Club meraih anugerah "Rumah Kelab/Kemudahan Terbaik di Malaysia" berdasarkan kaji selidik "Pungutan Suara 2001/2002".

Selain itu, Tropicana Golf & Country Resort Berhad ('Tropicana') telah menyempurnakan pelancaran satu daripada fasa akhir pembangunan kediaman bertapak di atas sebidang tanah seluas 25.1 ekar yang terletak di sekitar Pusat Peranginan tersebut. Pembangunan yang dikenali sebagai 'Green Acres 1' ini meliputi 148 unit banglo dua tingkat berkembar yang dikenali sebagai 'Gloria' dan 'Floria' berserta 47 buah lot banglo yang telah dilancarkan pada bulan Julai 2001 serta mendapat sambutan menggalakkan daripada para pembeli. Projek yang disasar akan disiapkan pada bulan Julai 2003 ini kini berjaya menikmati jualan keseluruhan sebanyak kira-kira 70%.

Kerja tanah, menanam cerucuk, kerja asas dan struktur di Green Acres 1 telah disiapkan, sementara kemasan senibina dalaman dan luaran kini sedang berjalan lancar.

Secara keseluruhan, keputusan kewangan Kumpulan Tropicana meningkat sedikit dan mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM6.86 juta berbanding RM6.85 juta pada tahun kewangan sebelumnya.

Sejak beberapa bulan kebelakangan, Kumpulan terlibat dalam sebuah projek usahasama di atas sebidang tanah seluas 12 ekar di pinggir Tropicana Golf & Country Resort, yang meliputi 320 unit pangsapuri kos rendah dikenali sebagai 'Damai', 320 unit pangsapuri kos sederhana rendah yang dikenali sebagai 'Permai' dan 960 unit pangsapuri kos sederhana yang dikenali sebagai 'Bayu Puteri' bersama dengan 49 unit kedai. Pembangunan ini telah dilancarkan pada bulan Januari 2002 dan menikmati sambutan menggalakkan dengan jualan keseluruhan sebanyak 60%.